

TARIKH	SELASA, 13 OGOS 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KSN BAHARU MAHU PENJAWAT AWAM PERKASA TATAKELOLA
M/S	2
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE



Shamsul Azri bersalaman dengan kakitangan JPM pada hari pertama memulakan tugas KSN di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

KSN baharu mahu penjawat awam perkasa tatakelola

Shamsul Azri jadikan agenda penting kemudi perkhidmatan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar mengingatkan semua penjawat awam supaya memperkasakan tatakelola dalam perkhidmatan seperti ditugaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bekas Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) itu yang memulakan tugas KSN ke-16 semalam, menegaskan tatakelola juga menjadi agenda penting sepanjang beliau mengemudi perkhidmatan awam.

Selain itu, tegas Shamsul Azri yang dilantik menggantikan Tan Sri Mohd Zuki Ali yang tamat kontrak perkhidmatannya Sabtu lalu, penjawat awam sebagai jentera kerajaan perlu taat dan menjadi benteng kepada negara.

"Saya yakin dengan jentera kerajaan yang ada, kita dapat memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat. Insya Allah dengan kepemimpinan Perdana Menteri, saya yakin beliau mampu bawa Malaysia ke arah lebih cemerlang.

"Namun, penjawat awam mesti taat setia kepada kerajaan kerana penjawat awam adalah benteng negara. Seperti ditekankan

oleh Perdana Menteri, tatakelola adalah amat penting.

"Itu menjadi satu daripada agenda penting saya dalam menadbir," katanya kepada pemberita selepas mengimbas kad perakam waktu pada hari pertama memulakan tugas KSN di Bangunan Perdana Putra, di sini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Bersama bangun negara

Shamsul Azri, 55, turut mengajak semua penjawat awam bekerja bersamanya demi rakyat dan membangunkan negara tercinta.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Pentadbiran Perniagaan) dari Universiti Tulsa Oklahoma di Amerika Syarikat (AS), turut menerima pendedahan dengan beberapa institusi antarabangsa.

Antara institusi berkenaan adalah Universiti Cambridge di United Kingdom dan European Institute of Business Administration (INSEAD).

Shamsul Azri yang mempunyai pengalaman selama 30 tahun dalam perkhidmatan awam, pernah bertugas di Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan pentadbiran kerajaan negeri.

DISEDIAKAN
OLEH

NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM